



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 Mar 2021 (Jumaat)

Berita Harian

Pembangunan spiritual jalan asnaf keluar kemiskinan	1
Nestle sedia stesen kuarantin COVID-19	2

Utusan Malaysia

Ibu Yati, ditahan didakwa	3
Pas kingmaker...	4
Fahami zakat perniagaan	5

Harian Metro

Stesen Transit kuarantin Nestle	6
4 ditahan terbabit ajaran meragukan	7
Cara Amin tangani isu Sajat digemari	8

Kosmo

Nestle tubuh QTS tempatkan PUS	9
JAIS cekup ibu yati kes agama Melayu	10
Kisah Sajat, Acap dan misteri Jho Low	11

Sinar Harian

JAIS tahan empat individu disyaki terlibat ajaran meragukan	12
---	----

TV3

Stesen Transit Kuarantin Covid-19 Dilancarkan	13
---	----

The Star

COUNCIL MATTERS	14
Linear park 'will be a boon to residents'	15
MBPJ: Limited gates open at old town market for crowd control	16
MBSJ sends 100 festive meals to B40 families	17
Women leaders featured in campaigns video series	18
Get the jab to end the nightmare	19

New Straits Times

Nod for face-to-face 'akad nikah' in Selangor from Monday	20
Expert: Queue-jumpers could harm immunisation plan rollout	21
NESTLE OPENS QUARANTINE TRANSIT STATION	22

The Sun

Transit station for B40 group launched	23
--	----

New Straits Times Online

Nestle Malaysia opens quarantine transit station in Shah Alam	24
---	----

The Malaysian Reserve

Selangor launches 1st quarantine transit centre	25
---	----

Sin Chew Daily

100 hotel rooms rented; Nestle "QTS" activated	26
Highway construction accident; Grim outlook for residents at construction site	27



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Pembangunan spiritual jalan asnaf keluar kemiskinan
Muka Surat	:	43

Pembangunan spiritual jalan asnaf keluar kemiskinan

Oleh Siti Nadiyah Mohd Ali
 bhagama@bh.com.my

Keperluan asnaf yang pelbagai menjadikan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) lebih kreatif mencipta bantuan demi bantuan demi memastikan kelangsungan hidup kelompok sasar itu.

Kewujudan rumah zakat, sekolah zakat, tanah zakat membuktikan MAIN sentiasa berusaha memainkan peranannya menyantuni kumpulan asnaf disyariatkan Allah.

Terkini, kerjasama strategik Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Bank Islam memperkenalkan Skim Pembiayaan Rumah Asnaf Bergaji bagi membantu golongan itu memiliki kediaman sendiri.

Melalui skim ini, asnaf terpilih perlu melunaskan bayaran RM260 sebulan kepada pihak bank bagi tempoh 10 tahun.

Oleh kerana kemampuan kewangan LZNK terhad, setakat ini hanya dua permohonan diluluskan, namun kediaman asnaf terbabit sudah pun siap dibina.

Menyedari bahawa keperluan asas asnaf adalah rumah kediaman, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) turut membina 32 unit rumah transit untuk kemudahan asnaf di Kampung Tenglu di Mersing.

Penggunaan dana zakat berjumlah RM3.5 juta itu benar-benar dimanfaatkan MAINJ.

Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) juga bersama UDA Holdings Berhad menyumbang dalam usaha merancang pembangunan perumahan milik asnaf.

Di atas tanah wakaf Projek Wakaf Seetee Aisah 2, pembinaan 150 unit rumah kos rendah disasarkan untuk diperuntukkan kepada golongan asnaf dan B40.

Namun, apa yang menyedihkan, usaha murni digerakkan sesetengah MAIN seolah-olah tidak dihargai asnaf.

Ibarat diberikan susu, tetapi dibalas pula dengan tuba, itu adalah perumpamaan boleh digambarkan terhadap sebuah keluarga asnaf yang dibantu MAINJ sejak 2015, dengan menempatkan mereka di sebuah rumah transit

berkonsepkan zakat.

Menyedihkan sekali apabila rumah percuma diberikan MAINJ ditinggalkan dalam keadaan kotor, berbau busuk dan mengalami banyak kerosakan.

Realitinya, cabaran dipikul pengurusan zakat bukan sekadar memastikan kelangsungan hidup asnaf, sebaliknya terpaksa juga menghadapi cemuhan dan kritikan masyarakat.

Benar bukan semua asnaf bersikap demikian. Namun, dalam meningkatkan pembangunan fizikal dalam kalangan asnaf di Malaysia, tentunya cabaran paling getir perlu dipikul institusi zakat adalah membangunkan jiwa asnaf itu sendiri.

Pembangunan spiritual yang ampuh dalam kalangan asnaf, akan menjadikan mereka insaf dan sedar akan amanah dipikul masing-masing untuk menjaga harta zakat yang menjadi tanggungjawab mereka.

Justeru, tidak timbul lagi isu kelompok asnaf tertentu menjadi penerima dana zakat berterusan untuk tiga generasi.

Melaluinya, mereka akan sedar tang-

gungjawab dalam diri untuk keluar daripada kepompong penerima zakat, sekali gus berpindah menjadi pembayar zakat pula.

Namun, untuk keluar daripada stigma penerima zakat memerlukan usaha asnaf sendiri.

Contoh terbaik, kejayaan jenama 'Cendol Borhan' terkenal milik Bumi-putera Islam yang juga pernah menerima bantuan zakat.

Perniagaan cendol diusahakan melayakkan pemilikinya dinobat ikon asnaf yang berjaya melakar sejarah terbaik Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Hakikatnya, memahami konsep sebenar zakat akan memberi satu keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Keharmonian ekosistem pembayar zakat, pihak pengurusan zakat dan asnaf selaku kumpulan sasar akan membantu banyak proses membangkitkan urusan zakat.

Penulis adalah Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengurusan Hartanah, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
5 March 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Nestle sedia stesen kuarantin COVID-19
Muka Surat	:	46



Amirudin (tengah) bersama Aranols (dua dari kiri) pada majlis perasmian stesen transit kuarantin (QTS) COVID-19, di Shah Alam, semalam. (Foto Muhd Asyraf Sawal/BH)

Nestle sedia stesen kuarantin COVID-19

Kemudahan 100 bilik hotel tempatkan kontak rapat pesakit

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
 hazwanfaisal@bh.com

Nestle (Malaysia) Bhd menubuhkan stesen transit kuarantin (QTS) COVID-19 di Hotel Pegasus, Shah Alam, yang menawarkan sehingga 100 bilik untuk menempatkan kontak rapat pesakit virus itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia, Juan Aranols, berkata kemudahan yang disediakan itu adalah menerusi kerjasama rapat dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dan akan beroperasi selama dua bulan bermula semalam.

Katanya, selepas tempoh itu, Nestle akan berbincang dengan KKM dan menilai semula keper-

luan sama ada perlu melanjutkan lagi perkhidmatan QTS terbabit.

"Stesen ini ditubuhkan untuk mereka mempunyai hubungan rapat dengan pesakit COVID-19, juga dikenali sebagai orang di bawah pengawasan (PUS). Ia dibuka kepada kakitangan Nestle dan keluarga, selain kumpulan B40 dan golongan berpendapatan rendah di Selangor.

"Ia menyediakan persekitaran yang sewajarnya kepada mereka yang tidak mempunyai kemudahan sesuai untuk menjalani kuarantin di rumah, merangkumi bilik dan kemudahan hotel secara percuma serta hidangan makanan tiga kali sehari.

"Segala kos QTS ini akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Nestle," katanya pada sidang media selepas pelancaran kemudahan itu di Shah Alam, semalam.

QTS itu dilancarkan oleh Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Sementara itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri Selangor mengalu-alukan kerjasama

swasta dan awam dalam usaha menangani jangkitan COVID-19 di negeri itu.

"Ini adalah kerjasama pertama di antara kerajaan negeri dengan pihak swasta bagi membuka pusat transit kuarantin COVID-19 di negeri ini.

"Ia juga pusat kuarantin kedua di Selangor di bawah kerajaan negeri selepas Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) yang terletak di Sepang," katanya.

Beliau berkata, QTS itu akan menumpukan perkhidmatan kepada kontak rapat pesakit COVID-19 yang berada di kawasan tengah dan utara negeri itu, manakala ILIM akan memberi tumpuan kepada mereka yang berada di bahagian selatan.

"Mereka akan ditempatkan di transit ini dan sekiranya didapati positif barulah akan dihantar ke Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang dan hospital yang berkenaan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 5 March 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Ibu Yati, ditahan didakwa
Muka Surat	:	13

Ibu Yati ditahan, didakwa

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**
utusannews@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Wan Norhayati Wan Alias atau lebih dikenali Ibu Yati yang terpalit dengan isu ajaran sesat Agama Melayu didakwa di Mahkamah Rendah Syariah di sini hari ini.

Ibu Yati didakwa selepas ditahan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bersama tiga lagi individu termasuk dua lelaki di sebuah premis di Hulu Langat kira-kira pukul 11.20 malam semalam.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, pihaknya telah melaksanakan tiga waran tangkap terhadap tiga orang yang disyaki dan satu waran geledah.

Menurutnya, susulan itu, JAIS menahan empat individu masing-masing dua lelaki dan wanita yang dibawa ke ibu pejabat untuk disiasat mengikut Seksyen 7, 9 dan 10 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.



WAN Norhayati Wan Alias atau Ibu Yati bersama tiga yang lain ditahan JAIS di sebuah premis di Hulu Langat malam semalam.

“Kes telah dibawa ke Mahkamah Rendah Syariah dan mahkamah menetapkan jaminan RM3,000 kepada dua wanita dengan jaminan seorang penja-

min dalam kalangan penjawat awam Gred 48.

“Bagi tertuduh lelaki pula, seorang daripadanya diikat jamin dengan RM1,000 dengan

penjamin dalam kalangan penjawat awam Gred 41 manakala seorang lagi dilepaskan dengan bon jamin penguat kuasa.

“Tiga daripada tertuduh diarah menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah selain perlu melaporkan diri di Pejabat Agama Islam Daerah Gombak dua minggu sekali,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Mohd. Shahzihan berkata, dengan penangkapan keempat-empat individu itu dapat menyelesaikan kes perbuatan beberapa individu di Selangor yang disyaki menyanggah ketetapan hukum syarak atau fatwa.

“Selain itu, kes tersebut turut melibatkan penghinaan kepada al-Quran dan hadis, serta mempersenda, menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina.

“Mahkamah turut menetapkan sebutan semula kes pada 28 Julai hadapan di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam,” ujarnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
5 March 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pas kingmaker...
Muka Surat	:	16

Pas kingmaker...



CAKAP-CAKAP sebelah utara, selatan, pantai timur dan barat banyak mengata Pas waktu ini dok sibuk 'ratibkan' Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) adalah kerajaan. Kerajaan Perikatan Nasional (PN) ditunjangi Bersatu, kata Pas, memiliki jentera, wang dan apa sahajalah segalanya. Doktrin sebilangan pemimpin Pas yang berdesing-desing ialah "amat percaya apabila sudah pegang kerajaan, mudah untuk PN sapu bersih kerusi-kerusi Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15)". Analoginya, jika 'kerajaan' pasti ada bajet dan *missionary*. Pendek kata, usah fikir-fikir lagi, 'kemenangan' pasti dalam tangan.

Semudah itukah bacacannya? Ini sehinggakan saya dikhabarkan dalam kalangan pemimpin kanan Pas mencanangkan satu kaji selidik dari sebuah universiti tempatan bahawa jika Pas berdua bersama UMNO dalam Muafakat Nasional (MN), paling maksimum kerusi Parlimen yang boleh dimenangi hanya 70. Tidak melepasi majoriti mudah, 112 kerusi. Dari kaji selidik itu, keputusannya berbeza sekali andai melalui kesepakatan MN + PN = 160 kerusi.

Agak cetek pandangan Pas. Terlalu *simplicistic*. Bila berkuasa buat sementara PRU-15 ini, Pas jadi 'gelang mata'. Padahal daripada pandangan publik dalam politik hari ini, *reading* sedemikian dari kaji selidik satu dua universiti - yang saya percaya data dikutip menerusi andaian dari bilik pensyarah sahaja - tidak semudah untuk mana-mana parti politik mampu meraih majoriti.

Tetapi ikut prinsip Pas era Malaysia hari ini, asalkan jadi kerajaan, cara Machiavelli pun boleh pakai. Kata Machiavelli, segalanya harus diperalat termasuk agama untuk menjayakan matlamat menghalalkan cara.

Pas masih percaya diri sebagai *kingmaker* lagi sebagai selepas PRU-15 nanti? Masih tergiang-giang lagi

Bai'ah: Segera rujuk mahkamah syariah

OM ZAMZAM
KOTA BHARU
WALAIKALAM PEKASMA. Pas segera berunding dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mengenai perkara ini. Menteri Kanan dan Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berketetapan untuk segera berunding dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mengenai perkara ini. Menteri Kanan dan Pengerusi Perikatan Nasional (PN) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berketetapan untuk segera berunding dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mengenai perkara ini.



22 bekas pemimpin bukan lagi ahli Pas

MOHAMMAD SHAHRI MOHAMMAD
22 bekas pemimpin bukan lagi ahli Pas. Mereka adalah bekas pemimpin parti-parti yang bergabung dengan Pas. Mereka adalah bekas pemimpin parti-parti yang bergabung dengan Pas.



Ahli Parti Pekerja mesti lepas

MOHAMMAD SHAHRI MOHAMMAD
 Ahli Parti Pekerja mesti lepas. Mereka adalah bekas pemimpin parti-parti yang bergabung dengan Pas.



Mereka tinggalkan Pas

MOHAMMAD SHAHRI MOHAMMAD
 Mereka tinggalkan Pas. Mereka adalah bekas pemimpin parti-parti yang bergabung dengan Pas.

di telinga saya menjelang PRU-14 lalu yang mana presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menjangkakan tiada satu pun parti yang dapat membentuk kerajaan selepas pilihan raya umum itu.

Ekoran itu, Abdul Hadi menganggap Pas sebagai *kingmaker* jika parti itu menang 40 kerusi dan menjadi tempat bergantung parti lain yang mahu menubuhkan kerajaan.

Namun, pada 9 Mei itu, Pas hanya memenangi 18 kerusi parlimen. Cuma parti itu mengekalkan pentadbiran di Kelantan serta menawan Terengganu. Pas sering menguar-uarkan diri hebat tetapi realitinya, indah khabar dari rupa. Bila peluang terhidang depan mata, cepat sekali 'disakau' Pas.

Ke mana hilangnya prinsip Pas dalam isu lompat parti hari ini? Abdul Hadi sekitar September 2015 bukan main tangangnya dalam soal 'katak' ini.

Semasa berucap pada program Himpunan Harapan Semua (Harap) 3.2 di Pulau Serai, Dungun, beliau mengulangi gesaan supaya wakil rakyat Pas meletakkan jawatan jika menyertai parti lain termasuk Parti Amanah Rakyat (Amanah).

Tindakan itu perlu kerana semua calon Pas pada PRU 2013 telah melafkan bai'ah

bersumpah dan mereka akan dilaknati Allah SWT jika melanggar bai'ah itu.

Terdahulu sekitar Januari 2014, Ahli Jawatankuasa Kerja (AJK) Pas Pusat, Nasrudin Hassan membangkitkan kekecewaannya dengan tindakan wakil rakyat meletak jawatan untuk membolehkan pilihan raya kecil (PRK) diadakan bagi memberi laluan kepada seseorang yang lain.

Nasrudin menegaskan, pilihan raya adalah sebahagian daripada perjuangan bukan medan untuk pihak tertentu menggunakan peluang mencapai agenda peribadi.

"Akhirnya rakyat berkata, kami bertarung untuk hidup. Kamu bertarung sesama sendiri untuk merebut jawatan," katanya, merujuk tindakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kajang, Lee Chin Cheh semasa meletak jawatannya - yang disebut-sebut bagi memberi laluan kepada seorang pemimpin PKR untuk menjadi Menteri Besar Selangor.

Hari ini, suara Presiden Pas, Nasrudin, apa lagi Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dan Datuk Takiyuddin Hassan lenyap, membius dan membuat dalam isu tidak bermoral lompat parti? Tidak kedengaran lagi seperti nada tahun 2015 (**Rujuk keratan akhbar di atas**).

Takkanlah Pas tidak terdengar cakap-cakap yang kita sendiri pun tidak dapat membayangkan Ahli Parlimen Julau, Larry Sng sanggup terbang dari Sarawak ke Putrajaya untuk menyerahkan akuan bersumpahnya (SD) dalam menyatakan sokongan kepada kerajaan PN? Bukankah perbuatan itu dalam erti kata lain 'lompat parti' juga tanpa merujuk keizinan buat demikian daripada presiden PKR? Mungkinkah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) harus siasat motif tindak tanduk ini?

Dalam gejala lompat parti, Pas sepatutnya mentarbiah ahli-ahli parlimen Bersatu. Dulu Pas beria-ia hentam pelompat parti. Apakah sikap Pas waktu ini? Walaupun ahli parlimen Pas tidak lompat tetapi tampak bersekolong dan 'meraikan' mereka ini.

Pada masa sama, rakan seperjuangan, UMNO semasa bersama musim mengecapi kemenangan 7-0 dalam siri pilihan raya kecil 2019/2020 masih tegas prinsipnya - akan sokong kerajaan PN tetapi tidak dalam PRU-15 nanti. Jadi, jika Pas sedemikian rupa fi'ilnya untuk tetap bersama PN dalam PRU, mana hilangnya gesaan Pas dalam PRU-PRU yang lepas supaya semua parti politik tidak menggunakan jentera

kerajaan semasa kempen pilihan raya? Gelagat Pas barangkali 'lain macam' hari ini kerana beberapa kerajaan negeri pimpinan orang mereka sudah dapat projek mega. Misalnya Kelantan raih lebih bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Kedah pula dengan satu dua projek besar. Belum pernah Pas mengecap nikmat semacam ini.

Cuma dibimbangi fi'il itu akan 'melarat' ke wakil rakyat Pas pula. Minta 'simpang melaikat 44' agar tidak berlaku "kalau-kalau ada ahli parlimen yang berjawatan menteri atau timbalan menteri dari Pas sanggup membawa pelobi bisnes ke kementerian tertentu".

Naratif sekarang ialah tiada mana-mana parti yang akan dapat majoriti dalam PRU-15. Jika Pas enggan berjuang bersama UMNO sekali pun, Pas dipercayai akan bertanding solo juga. Mahu bertanding atas tiket atau platform PN, agak sukar untuk Pas kerana lambang bulan Pas sudah lama dikenali. Suatu dilema kepada Pas.

Bahkan yang Pas berkawan dengan mereka dalam PN hari ini pun sebahagian besarnya bersama-sama dengan Pakatan Harapan (PH) dahulu, yang tidak senada dengan perjuangan Pas menegakkan Islam.

Pas beringatlah! Bersatu bertanding 52 kerusi Parlimen ketika di bawah PH dalam PRU-14 tetapi menang cuma 13 sahaja.

Dan andai kata kawasan-kawasan Felda menjadi tumpuan untuk Pas meraih sokongan dalam PRU-15, inilah masa terbaik untuk bergabung dengan parti yang benar-benar mampu menaikkan sekali Pas.

Dalam dua siri PRU lepas, penguasaan parti-parti Melayu menyusut di Felda. Pada PRU-14, UMNO/BN cuma meraih 27 kerusi Parlimen. Pas (6), PKR (19) dan Warisan (12).

Ini berbeza sama sekali berbanding PRU-13 ketika UMNO/BN masih menguasai 48 kerusi, Pas (3), PKR cuma satu kerusi dan DAP (2). Peningkatan drastik buat PKR di Felda.

Masih lagi-lagi Pas mahu mencanangkan diri sebagai *kingmaker*?

Datuk Dr. Ahmad Faris Abdul Halim ialah Penganalisis Isu-isu semasa.

UTUSAN Malaysia
 21 Julai dan 2 September 2015



KERATAN AKHBAR

5 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Stesen Transit kuarantin Nestle
Muka Surat	:	16

Stesen Transit Kuarantin Nestle

Shah Alam: Nestle Malaysia Bhd semalam melancarkan Stesen Transit Kuarantin Nestle di Hotel Pegasus di sini, bagi menyokong usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mengendalikan kontak rapat pesakit yang memerlukan kuarantin sendiri.

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Malaysia Juan Arnolds berkata, kos stesen transit itu akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat pengeluar makanan dan minuman itu yang akan memberi tumpuan kepada golongan B40 dan golongan berpendapatan rendah yang tidak berupaya atau tidak mempunyai kemudahan sesuai untuk menjalani kuarantin di rumah.

“Stesen itu akan menyediakan penginapan percuma serta makanan yang enak dan berkhasiat disediakan oleh Chef Maggi kami. Semestinya, prosedur

operasi ‘standard (SOP) akan dipatuhi setiap masa,” katanya kepada pemberita pada pelancaran stesen transit kuarantin itu di sini, semalam.

Beliau berkata, stesen itu memulakan operasinya semalam dan akan dibuka selama dua bulan dan Nestle akan sentiasa memantau dan menilai keperluan untuk melanjutkan tempoh operasi dari semasa ke semasa.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari yang turut hadir pada pelancaran itu berkata kerajaan negeri mengalu-alukan kerjasama swasta dan awam dalam usaha menangani jangkitan Covid-19 di Selangor.

“Ini adalah kerjasama yang pertama terjalin antara kerajaan negeri Selangor dengan pihak swasta bagi membuka pusat transit kuarantin Covid-19 di negeri ini,” katanya.



KERATAN AKHBAR

5 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	4 ditahan terbabit ajaran meragukan
Muka Surat	:	18

4 ditahan terbabit ajaran meragukan

Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) menahan empat individu termasuk dua wanita di sebuah premis di Hulu Langat kelmarin selepas dipercayai terbabit dengan ajaran yang meragukan.

Pengarah Jais, Dato Mohd Shahzihan Ahmad berkata, jabatan itu melaksanakan tiga waran tangkap terhadap tiga yang disyaki dan satu waran geledah premis pada jam 11.20 malam.

“Berikutan dengan itu, Jais menahan empat individu iaitu dua lelaki dan dua

wanita serta menyita beberapa bahan bukti dari premis dan individu terbabit.

“Semua ditahan dibawa ke Ibu Pejabat Jais untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 7, 9 dan 10 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 1995,” katanya, semalam.

Beliau berkata, kes berkenaan disebut di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam, semalam.

Menurutnya, sebutan semula kes ditetapkan 28 Julai depan di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam.



KERATAN AKHBAR

5 March 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Cara Amin tangani isu Sajat digemari
Muka Surat	:	27

Cara Amin tangani isu Sajat digemari

Kuala Lumpur: Pendekatan berhemah pengacara dan penceramah motivasi, Amin Idris, 40, berkenaan kontroversi usahawan kosmetik popular, Nur Sajat yang dikatakan mahu keluar Islam mendapat pujian netizen.

Kata-kata nasihatnya di Instagram TV (IGTV) kepada masyarakat berkenaan hukuman murtad mendapat komen positif.

Amin berkata, semua pihak perlu berhati-hati menilai isu ini kerana ada orang mahu keluar Islam kerana benci pada Islam atau benci dan memberontak kepada pemerintah Islam.

“Ada segelintir pihak mahu keluar Islam kerana nak selamatkan diri daripada pihak berkuasa Islam. Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 bahagian

kedua, berkaitan dengan kesalahan berhubung akidah, Seksyen 5 menyebut, ada mendakwa bukan orang Islam untuk mengelak tindakan,” katanya.

Menurutnya, Sajat sering mengelak apabila dipanggil ke mahkamah dan kemudian menghilangkan diri serta akhirnya tampil dengan kenyataan mahu keluar Islam.

Amin berkata, sebagai orang Islam, apabila tidak setuju dengan perkara tidak berakhlak, masyarakat jangan guna pendekatan tidak berakhlak juga dengan mengecam dan menghina.

“Tidak kurang juga yang memurtadkan dia walaupun dia menyebut perkataan nak keluar Islam. Kita pendakwah yang mengajak, bukan hakim yang menghukum,” katanya.



KERATAN AKHBAR		
5 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Nestle tubuh QTS tempatkan PUS
Muka Surat	:	5

Nestle tubuh QTS tempatkan PUS

SHAH ALAM – Pengeluar makanan dan minuman terbesar dunia, Nestle Malaysia Bhd. (Nestle) menubuhkan Stesen Transit Kuarantin (QTS) yang berfungsi menempatkan individu yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit atau Orang Di Bawah Pengawasan (PUS).

Ketua Pengarah Eksekutif Nestle, Juan Aranols berkata, Hotel Pegasus, Seksyen 15 di sini, yang meliputi sebanyak 100 bilik hotel dijadikan lokasi kuarantin itu dan akan beroperasi selama dua bulan bermula semalam.

Menurut beliau, pusat kuarantin itu membantu PUS yang menghadapi kekangan kuarantin sendiri di rumah untuk mengasingkan diri dengan lebih selesa dan selamat.

“Mereka dikehendaki mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketat termasuk penggunaan pintu masuk dan lif kuarantin khas serta dapur berasingan.

“Semua individu itu akan dipantau pihak berkuasa termasuk Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Pejabat Kerajaan Daerah Petaling dan Jabatan Ke-



ARANOLS (kiri) menerangkan tentang QTS Nestle kepada Amirudin (tengah) di Hotel Pegasus, Shah Alam semalam.

sihatan Negeri Selangor,” katanya pada sidang akhbar selepas pelancaran QTS Nestle semalam.

Pusat kuarantin pertama yang ditubuhkan oleh pihak swasta di Selangor itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Nor Azmie Diron dan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan

Keluarga negeri, Dr. Siti Mariah Mahmud.

Tambah Aranols, penubuhan QTS itu membuktikan komitmen pihaknya untuk membantu rakyat yang sedang menempuh detik getir mendepani Covid-19.

Sementara itu, Amirudin berkata, kerajaan negeri amat mengalu-alukan kerjasama semua pihak termasuk swasta dalam usaha mengekang penularan pandemik berkenaan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 March 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	JAIS cekup ibu yati kes agama Melayu
Muka Surat	:	6

JAIS cekup Ibu Yati kes agama Melayu

SHAH ALAM – Bekas wartawan, Wan Norhayati Wan Alias atau lebih dikenali sebagai Ibu Yati ditahan berhubung isu dakwaan ajaran agama Melayu di sebuah premis di Hulu Langat, kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira pukul 11.20 malam oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) turut menahan tiga lagi individu masing-masing seorang wanita dan dua lelaki.

Pengarah JAIS, Datuk Mohd. Shahzihan Ahmad berkata, dalam serbuan itu juga turut menyita beberapa bahan bukti dari premis dan individu yang terlibat sebelum dibawa ke Ibu Pejabat JAIS untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 7, 9 dan 10 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 1995.

Katanya, menerusi penangkapan keempat-empat suspek itu dijangka dapat menyelesaikan kes melibatkan perbuatan be-

berapa individu di Selangor yang disyaki menyanggahi ketetapan hukum syarak atau fatwa.

Selain itu, penahanan itu melibatkan penghinaan kepada al-Quran dan hadis serta mempersenda, menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina.

"Kes terhadap kesemua mereka telah disebut di Mahkamah Rendah Syariah Shah Alam hari ini (semalam) dengan dua tertuduh wanita diikat jamin RM3,000 bersama seorang penjamin dalam kalangan penjawat awam Gred 48.

"Bagi seorang tertuduh lelaki diikat jamin dengan RM1,000 dengan penjamin dalam kalangan penjawat awam Gred 41, manakala seorang lagi dilepaskan dengan bon jamin penguat kuasa," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, tiga daripada ter-

tuduh juga perlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah selain perlu melapor diri di Pejabat Agama Islam Daerah Gombak dua minggu sekali.

Mohd. Shahzihan turut menjelaskan sebutan semula kes ditetapkan pada 28 Julai depan di mahkamah sama.

Kosmo/ sebelum ini melaporkan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia menasihatkan orang ramai agar tidak terpengaruh dengan ajaran baharu dikenali 'Agama Melayu' yang didakwa sebagai sesat lagi menyesatkan.

Ekoran kejadian itu, Ibu Yati kemudiannya dipanggil memberikan keterangan lebih dua jam di JAIS pada 3 Februari lalu.

Ibu Yati mendakwa video tersebut telah dimanipulasi dengan pelbagai andaian tanpa sebarang usul periksa memandangkan video itu lebih bersifat dokumentari berkaitan gong.



IBU YATI memegang sebuah buku berkenaan Melayu selepas disoal siasat oleh JAIS pada 3 Februari lalu.



KERATAN AKHBAR		
5 March 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kisah Sajat, Acap dan misteri Jho Low
Muka Surat	:	10



Kata Editor

Oleh **MUSTAPA LAKAWA**
 PENGARANG BERITA

Kisah Sajat, Acap dan misteri Jho Low

DALAM peribahasa Melayu, ada ungkapan popular berbunyi bagai ayam disambar helang, yang membawa maksud orang yang hilang secara tiba-tiba.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pula mentafsirkan hilang sebagai sesuatu atau seseorang yang tidak diketahui tempatnya, tidak kelihatan, ghaib ataupun telah lenyap.

Malaysia sebenarnya sarat dengan kisah-kisah orang hilang. Ada yang hilang asbab jenayah dan bencana, namun ramai juga yang hilang dengan sengaja.

Sejak kebelakangan ini, kecoh pula mengenai usaha Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) untuk mengesan seorang usahawan kosmetik, Nur Sajat atau nama sebenarnya Muhammad Sajjad Kamaruzzaman.

Ketika artikel ini ditulis, individu berusia 36 tahun itu yang dikenakan waran tangkap oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam sejak 24 Februari lalu masih belum ditemui.

Tiada siapa tahu di mana Nur Sajat berada. Malah, timbul pelbagai persoalan sama ada Nur Sajat sengaja menyembunyikan diri ataupun sedang disembunyikan.

Hakikatnya, Nur Sajat bukanlah 'samseng' seperti mana Bob Mah Sing yang sebelum ini tular dengan aksi beraninya bersama Proton Waja ketika melarikan diri daripada polis.

Nur Sajat juga bukanlah sehebat 'penjenayah' berbahaya' seperti Mat Komando yang pernah menjadi buruan polis Malaysia selama lebih 200 hari.

Nur Sajat hanya dikenakan waran tangkap selepas dia gagal hadir bagi satu prosiding mahkamah. Ia adalah berkaitan pertuduhan ke atasnya di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam kerana berpakaian menyerupai wanita sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina.

Cumannya, nama Nur Sajat terlalu besar untuk cerita-cerita sebegini. Sehingga setiap usaha dan pergerakan pihak berkuasa menjadi bahan utama surat khabar.

Berbeza dengan kisah yang menimpa Mohammad Ashraf Hassan, 29, atau lebih dikenali dengan panggilan Acap. Individu ini pernah menggemparkan Malaysia apabila kisah kehilangannya ketika mengikuti acara larian Gopeng Ultra Trail di kawasan Gua Tempurung, Kampar menjadi tular di media sosial.

Pada 24 Mac 2021 ini, maka genaplah tiga tahun kehilangan Acap, dan dalam tempoh itu, tiada seorang pun yang tahu apa yang terjadi pada lelaki ini.

Ramai yang mengaitkan kehilangan Acap dengan perbuatan makhluk halus, namun ada juga pihak yang mendakwa Acap sebenarnya tidak hilang! Sehingga kini kisah Acap masih menjadi misteri.

Selain Sajat dan Acap, ada satu lagi 'kehilangan' yang sangat-sangat menggemparkan negara. Ia berkisar tentang ahli perniagaan bertaraf antarabangsa, Jho Low. Berbeza dengan Acap, Jho Low disahkan masih hidup, namun keberadaan anak Pulau Pinang ini masih belum disahkan oleh mana-mana pihak berkuasa.

Jho Low sebenarnya sengaja menghilangkan diri. Kisah pemburuannya ekoran skandal rasuah IMDB telah dibuat sejak tahun 2015, namun sehingga kini, tanda-tanda kepada penangkapan Jho Low masih samar.

Benar, sebagai rakyat kita hanya mengharapkan kepada sebuah penyelesaian dan jawapan berfakta. Seperti kata orang-orang tua, jika sudah tiada, tunjukkan kuburnya dan jika masih hidup, perlihatkan orangnya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 March 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JAIS tahan empat individu disyaki terlibat ajaran meragukan
Muka Surat	:	29

JAIS tahan empat individu disyaki terlibat ajaran meragukan

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menahan empat individu yang disyaki terlibat dengan ajaran meragukan di sebuah premis sekitar Hulu Langat.

Pengarahnya, Mohd Shahzihan Ahmad berkata, keempat-empat individu berkenaan telah dibawa ke Ibu Pejabat JAIS sebelum ini bagi menjalani siasatan lanjut di bawah Seksyen 7, 9 dan 10 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) Tahun 1995.

Beliau berkata, JAIS turut mengelu-

arkan tiga waran tangkap dan waran geledah premis ke atas individu berkenaan.

“Suspek turut dibawa ke Mahkamah Rendah Syariah, Shah Alam pada hari ini bagi sebutan kes,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, mahkamah turut menetapkan jaminan sebanyak RM3,000 buat setiap tertuduh dengan seorang penjamin.

Selain itu, katanya, suspek terlibat juga perlu menyerahkan pasport anta-

rabangsa kepada mahkamah dan melaporkan diri di Pejabat Agama Islam Daerah Gombak dua kali seminggu.

“Seorang lagi suspek telah dilepaskan dengan Bon Jamin Penguat kuasa. Sebutan semula kes ditetapkan mahkamah pada 28 Julai depan,” katanya.

Tambahnya, penahanan empat individu terbabit dapat menyelesaikan kes melibatkan perbuatan beberapa individu di negeri ini yang menyalahi hukum syarak atau fatwa yang membawa penghinaan kepada al-Quran serta hadis.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

4 March 2021

Akhbar	:	TV3
Tajuk Berita	:	Stesen Transit Kuarantin Covid-19 Dilancarkan
Muka Surat	:	-



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

5 March 2021

Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	COUNCIL MATTERS
Muka Surat	:	2

COUNCIL MATTERS

> Kuala Lumpur City Hall (DBKL) is currently offering a 50% discount on monthly rental on all residential units, grocery shops and convenience stores at its people's housing and public housing projects. For details, call 03-2617 6148 / 6151 or WhatsApp 019-326 5332.

> Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) has extended the deadline for online business licence renewal to March 31. Business owners can renew their licences at icomm.mpaj.gov.my. For details; call 03-4285 7324.

> Ipoh City Council is holding a public exhibition on proposed amendments to its local plan at its lobby until March 10, from 9am to 4pm daily. For details, visit <http://www.mbi.gov.my>



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
5 March 2021		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Linear park 'will be a boon to residents'
Muka Surat	:	2

Building a green corridor

TheStar Exclusive

A bold proposal to provide ecological connectivity between existing recreational parks, communal spaces and community gardens in Lembah Jaya, Selangor, is awaiting approval from the authorities. **SHALINI RAVINDRAN** finds out the details of the RM2mil project expected to kick off by year end. > 2&3




Recreational parks such as this one in Taman Bukit Indah, Ampang, are well maintained. — Photos: GLENN GUAN and LOW BOON TAT/The Star

By **SHALINI RAVINDRAN**
 shalini.ravindran@thestar.com.my

THERE is an ambitious plan to create a continuous open space in the form of a linear park in Lembah Jaya, Selangor, which will help transform the lives of the communities in the area by giving them access to recreational facilities.

Its project proponents say the proposed plans to create the green corridor would provide ecological connectivity between existing green spaces in the area, which covers a part of Ampang Jaya.

Should the project go through, it would effectively create a 7.7km walking and cycling loop incorporating the area's natural treasures.

The plan is being spearheaded by Lembah Jaya assemblyman Haniza Talha, with support from Housing and Local Government Ministry (KPKT) and Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ).

Apart from the walking and cycling loop, it will also connect what is now separate recreational parks, communal spaces and community gardens to make them much more accessible to a broader population.

"The aim is to carry out the project in phases, with the possibility of extending the route in the future," said Haniza.

She said it would cost an estimated RM2mil, which would be funded by KPKT. Work is expected to start by the end of this year.

"The green corridor would incorporate biophilic design, which would hopefully ensure the sustainability of the park."

She explained that the biophilic

Linear park 'will be a boon to residents'

Plans include a 7.77km walking and cycling loop incorporating Ampang Jaya's natural treasures



Lembah Jaya assemblyman Haniza is spearheading the project.

design would incorporate green landscape features and other elements within residential and commercial spaces and blend the built environment with nature.

"There are not many empty areas left in Ampang, so we should be looking at optimising existing facilities."

"This will also help to make use of spaces that are currently left idle,

Proposed Lembah Jaya Green Corridor

- 7.77 km of linear walking and cycling pathways
- 6 Communal spaces
- 3 Recreational parks
- 2 Community gardens
- 20 Green walls



TheStar graphics

"One such area is riverbanks, which we can spruce up with pathways as well as landscaping and help to develop walking routes," she said.

Another aspect of the green corridor involves beautifying some of the elevated highway pillars which cut through the area.

"With two elevated highways being built, it can seem like a concrete jungle. Instead, these pillars can become attractions by themselves by creating vertical gardens or painting murals on them," Haniza highlighted.

The challenge, she said, would be to bring together the various stakeholders before the project could kick off.

"We have had discussions with the resident communities, the ministry, MPAJ as well as the highway developers."

"The feedback has been positive overall, but we still need serious commitment to execute the project," she added.

Ampang Jaya is spread over



Azmi showing some of the vegetables that are grown in the Bukit Indah Community Garden, which is popular with residents and visitors.



The proposed Lembah Jaya Green Corridor will incorporate existing bicycle lanes in Ampang to create connectivity between parks and other green sites.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
5 March 2021

Akhar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MBPJ: Limited gates open at old town market for crowd control
Muka Surat	:	3

By **JADE CHAN**
 jadechan@thestar.com.my

PETALING Jaya City Council (MBPJ) only allows selected gates at Pasar Besar Jalan Othman to be opened as part of crowd control measures and to ensure compliance with Covid-19 standard operating procedures.

"MBPJ assessed the market before deciding what time and which gates should be opened," said an MBPJ spokesperson.

"We set delivery and unloading time from 4am to 6am. Between 7am and noon, only one gate is open to customers on weekdays and two gates on weekends."

"Thermometers, QR codes and logbooks for customer registration are available at the market's entrance and volunteers are stationed there to ensure visitors comply with the SOP before entering," he said in a statement.

He disclosed that MBPJ received an application from the Pasar Besar Jalan Othman Traders Association, through the area's local councillor, requesting permission to open a middle gate at the back of the market as additional access for customers.

"The request was approved, on condition that the association had a Rela officer or volunteer stationed at that entrance. However, based on our observation, the association did not fulfil that condition," he said.

MBPJ's statement came after StarMetro highlighted issues faced by customers and traders at Pasar Besar Jalan Othman, better known as PJ Old Town Market.

Some of the issues included limited gate access, increased rental rate, worker shortage and traders' representation at meetings.

"The revised market rental rate started in August 2020. MBPJ decided that the market's maintenance cost would be borne by tenants (traders) and that it would be included in the rental rate to be

MBPJ: Limited gates open at Old Town market for crowd control



For many months, this gate facing Jalan Othman 4/40 served as the only entry/exit to the market, forcing customers to take a longer route and delivery trucks to wait longer.

paid by tenants," said the spokesperson.

"Before the revision, traders only paid for the rental of their trading lots. MBPJ bore the maintenance cost and didn't pass this on to them."

"Based on 2021 records, MBPJ's Valuation and Property Management Department data showed that about 70% tenants made their rental payments. This is

a positive indicator that the average trader is still able to pay rent," he said, adding that MBPJ gave a two-month rental waiver last year as a form of assistance to the traders.

On charges for freezer units, MBPJ said it was a fee imposed on traders who placed the freezers in common areas and had been enforced at other public markets owned by other local councils.



StarMetro's report on March 2.

No charges are imposed if the freezers are placed within a trading lot.

As for the ban on slaughtering chicken at the market, "it is in line with a letter from Housing and Local Government Ministry, dated April 2006 and citing the Local Government Act, that all poultry slaughtering activities are not allowed at markets under local councils," said the spokesperson.

"The Selangor Menteri Besar issued a similar statement on the ban in May 2020. As such, MBPJ issued a notice in June 2020 disallowing chicken slaughtering and processing at public markets."

"This is in line with Section 21 (5) of the Market By-law (MBPJ) 2007 and Section 101 (V) of the Local Government Act 1976 (Act 171)."

On whether there could be some flexibility on the hiring of foreign workers, the spokesperson said it was not possible as per a circular

issued by the Selangor Secretary's office that foreigners could not be hired as workers or assistants under traders' licences.

